

SOALAN NO: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH: 20 OKTOBER 2015

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapa doktor-doktor yang menganggotai Jemaah Doktor PERKESO di Kuala Kangsar pada 30 Julai 2015 tidak menanggungkan kes HUK Pn. Saraswathy a/p Arumugam KP 801138-02-5944. Pn. Saraswathy telah mengalami pembedahan "*refashioning of stump*" pada 29 Julai 2015 dan jelas belum mencapai MMI (*Maximum Medical Improvement*).

PR-1333- L69603

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan Peraturan 75(1) (b), Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial, 1971, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) boleh merujuk Orang Berinsurans (OB) ke Jemaah Doktor (JD) jika diberi cuti sakit

melebihi 180 hari (sama-ada secara berturut-turut atau tidak semestinya berturut-turut tetapi kumulatif) oleh doctor yang merawatnya. Dalam kes Puan. Saraswathy a/p Arumugam didapati cuti sakit beliau bermula pada 12 September 2014 (tarikh kemalangan) sehingga 29 Julai 2015 adalah sebanyak 319 hari. Sehubungan dengan itu, penetapan tarikh sidang Jemaah Doktor telah ditetapkan bagi membuat penilaian tahap *Maximum Medical Improvement* (MMI). Ahli panel JD PERKESO yang bersidang di Hospital Kuala Kangsar pada 30 Julai 2015 telah memutuskan bahawa kes tuntutan Hilang Upaya Kekal (HUK) Puan Saraswathy a/p Arumugam telah mencapai tahap MMI berdasarkan Laporan Perubatan dari Hospital Sg. Siput bertarikh 21 Mei 2015 yang dikemukakan oleh Puan. Saraswathy a/p Arumugam. Beliau juga telah bersetuju terhadap keputusan JD tersebut dengan mengemukakan borang Pilihan Bayaran Pukal, Borang PKS(F)15 pada 9 September 2015.

2. Walaubagaimanapun, Puan. Saraswathy a/p Arumugam masih boleh membuat tuntutan ulangkaji pada bila-bila masa terhadap tuntutan terdahulu berdasarkan Seksyen 34(2) Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dengan mengemukakan laporan perubatan terkini yang menjelaskan keadaan semasa penyakitnya. Pihak PERKESO akan segera membantu proses tuntutan ulangkaji tersebut sebaik sahaja menerima laporan perubatan yang lengkap. PERKESO sentiasa prihatin dalam memberi jaminan keselamatan sosial kepada pencarum.